

**BICARA KAMPUS**

Oleh **ZAITON MOHAMAD**
zaiton.mohamad@yahoo.com

SETIAP manusia mempunyai keinginan dan hasrat untuk mencapai sesuatu perkara yang lebih baik dalam kehidupannya. Walau bagaimanapun tidak semua orang dipilih Tuhan untuk menerima dan mendapat apa yang diinginkannya. Keadaan ini berlaku kerana bukan semua orang bernasib baik dalam hidup mereka. Ada yang merasakan kesukaran dalam hidup pada awal namun akhirnya lebih berjaya pada akhirnya. Ibarat

pepatah zaman dahulu 'berakit-rakit dahulu berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian'. Hidup ini merupakan suatu ujian yang perlu dilalui dengan penuh ketabahan.

Walaupun bagaimanapun ada juga sesetengah orang merasakan tidak dapat menerima ujian dalam hidup mereka. Ini disebabkan kesukaran menyebabkan mereka berada dalam keadaan tertekan yang amat sangat. Namun begitu bagi seseorang yang pernah melalui keperitan dan ujian contohnya

golongan rakyat biasa akan lebih mudah menerima kenyataan bahawa bukan semua perkara yang dihajati akan tercapai dengan mudah, dan bersedia untuk bangkit semula mengikut kemampuan yang dimiliki. Walau bagaimanapun bagi golongan yang tidak pernah mengalami kesusahan dan keperitan dalam hidup mereka akan lebih cenderung berada dalam situasi yang tertekan apabila mengalami keperitan dan sukar melalui ujian yang dialami dalam hidup. Oleh sebab itu mengikut laporan Pertubuhan

Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bahawa penyakit skizofrenia telah menjejaskan 24 juta orang di seluruh dunia dengan kebanyakan mereka berusia antara 15 hingga 35 tahun. Keadaan ini berlaku kerana tekanan yang dialami dalam hidup telah menyebabkan mereka mengalami stress yang terlampau dan menyebabkan mengalami masalah neurologi.

Secara perubatan, skizofrenia menerangkan keadaan pesakit yang kehilangan isi padu 'gray matter' (tisu saraf otak dan tulang belakang yang

mengandungi sel saraf dan ia berwarna kelabu) terutama di otak depan (frontal lobes) dan temporal lobes (bahagian otak di atas telinga).

Baru-baru ini, kajian saintis neuro mendapati, pesakit skizofrenia kehilangan 25 peratus gray matter di kawasan itu. Biasanya, kerosakan akan bermula di lobus tengah sereberum (parietal) atau di sebelah luar (outer) dan merebak ke bahagian otak lain dalam masa lima tahun. Pesakit yang berhadapan dengan masalah kehilangan tisu otak yang

teruk akan berhadapan dengan simptom skizofrenia yang teruk termasuk halusinasi, delusi, mendengar suara, berperangai pelik dan murung. Oleh yang demikian setiap individu perlu melalui kehidupan yang sejahtera dan berlapang dada dengan setiap ujian yang dilalui. Hal tersebut penting dalam memastikan keadaan diri sentiasa redha dengan sebarang ujian yang diberikan Allah agar lebih mengingatiNya sebagai seorang hamba yang perlu meminta dan dipinta untuk beramal ibadat kepada penciptanya.

Tabah dalam menerima ujian hidup